

**KEBERKESANAN PETA BULATAN DAN PETA ALIR DALAM MENINGKATKAN
PENGUASAAN MENULIS KARANGAN NARATIF MURID-MURID CINA***(Effectiveness Circle and Flow Mapping in Increasing of Narrative Essay Writing of Chinese Pupils)***NOOR HIDAYU MOHD RAHIM**

Kementerian Pendidikan Malaysia

noorhidayu53@gmail.com**YAHYA OTHMAN**yahyaoth@gmail.com**Dihantar pada:**

20 Januari 2016

Diterima pada:

20 April 2016

Koresponden:noorhidayu53@gmail.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan peta bulatan dan peta alir dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan naratif dalam kalangan murid Cina di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina. Kajian kuasi eksperimen ini dilakukan terhadap murid Cina tahun lima. Seramai 30 orang murid dijadikan sampel kajian bagi kumpulan eksperimen dan 30 orang murid dijadikan sampel bagi kumpulan kawalan. Melalui sesi pengajaran dan pembelajaran, murid dalam kumpulan eksperimen diberikan rawatan menggunakan peta bulatan dan peta alir. Data yang diperoleh daripada pra dan pasca ujian. Data dianalisis menggunakan ujian-t dan ujian ANOVA. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran menulis karangan naratif bagi sampel kumpulan eksperimen dalam pasca ujian dengan nilai $t = 2.114$ dan $\text{sig} = 0.039$ ($p < 0.05$). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan strategi peta bulatan dan peta alir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berjaya meningkatkan pencapaian menulis karangan naratif dalam kalangan murid Cina dari sekolah jenis kebangsaan Cina.

Kata kunci: Peta bulatan, peta alir, menulis karangan, karangan naratif, sekolah jenis kebangsaan Cina,

Abstract: This study was conducted to evaluate the effectiveness of the use of circle and flow mapping in narrative essay writing skills in one of the national-type Chinese primary schools. This quasi-experimental study was conducted over a five-year Chinese pupils. A total of 30 pupils as sample for the experimental group and 30 pupils were sample for the control group. Through teaching and learning, pupils in the experimental group were given treatment using thinking maps i-Think. Data obtained from pre and posttest. Data were analyzed using t-test and ANOVA test. The findings showed that there were significant differences on narrative essay writing skills of a sample experimental group in post-test and $t = 2.114$ and $\text{sig} = 0.039$ ($p < 0.05$). This study proved that the use of circle and flow mapping strategy in Malay Language teaching and learning successfully increased achievement in writing narrative among Chinese pupils from Chinese primary schools.

Keywords: Circle mapping, flow mapping, essay writing, narrative essay, Chinese primary school

PENGENALAN

Peta pemikiran *i-Think* bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berinovatif. Peta pemikiran *i-Think* dalam penguasaan menulis karangan naratif dapat membantu murid menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi bagi menulis karangan dengan lebih baik. Peta pemikiran *i-Think* dalam menulis karangan naratif juga dapat memberi kesan kepada murid kerana ia menyediakan peluang dalam mencorakkan pemikiran yang lebih meluas terhadap diri murid untuk menyelesaikan masalah dalam apa jua situasi yang dihadapi. Roselan (2003) berpendapat, menghasilkan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Aspek ini kurang diberi perhatian, menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik semasa menulis karangan.

Selain itu, pendekatan peta pemikiran *i-Think* ini akan mengubah suasana dan menghidupkan situasi pembelajaran. Perlakuan murid yang pasif boleh diatasi dengan mengaktifkan interaksi guru dengan murid, murid dengan murid dan penggunaan alat bantu mengajar di samping memberi sedikit kebebasan untuk berfikir kreatif. Penglibatan aktif murid meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan memudahkan murid meluahkan idea. Dalam -kajian lepas telah membuktikan pencapaian murid menggunakan peta minda memberikan kesan yang positif kepada prestasi murid.

Justeru, peta pemikiran *i-Think* dapat memberi kesan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid Cina untuk menghasilkan karangan yang baik berdasarkan peta bulatan dan peta alir dengan efektif. Murid Cina dirangsang pemikirannya menggunakan peta bulatan dan peta alir agar masalah-masalah karangan seperti kesalahan bahasa, kesalahan tatabahasa dan sebagainya dapat diatasi. Guru Bahasa Melayu pula dapat memperkaya kaedah pengajaran di dalam bilik darjah dengan memperluas kefahaman strategi pengajaran dengan pendekatan peta pemikiran *i-Think* bagi

membimbing murid-murid untuk menguasai kemahiran menulis karangan.

Zamri (2014) mendapati bahawa penggunaan peta minda mendorong murid memahami maklumat dengan baik dan mengenal pasti perbezaan pemahaman mereka. Secara keseluruhan, penggunaan peta pemikiran *i-Think* seperti peta bulatan dan peta alir sebagai salah satu alat berfikir dalam penguasaan kemahiran menulis karangan di Sekolah Kebangsaan Cina sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

TUJUAN DAN SOALAN KAJIAN

Secara am, tujuan kajian adalah untuk melihat sejauh mana kesan penggunaan dua kaedah pengajaran, iaitu peta bulatan dan peta alir dengan kaedah konvensional dalam kemahiran menulis karangan naratif murid Cina. Secara khusus, soalan kajian ini adalah untuk mengetahui:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta bulatan dan peta alir antara kumpulan kawalan dan eksperimen dalam ujian pra?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta bulatan antara kumpulan kawalan dan eksperimen dalam ujian pasca?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta alir antara kumpulan kawalan dan eksperimen dalam ujian pasca?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta bulatan dengan peta alir dalam ujian pasca?
5. Adakah terdapat perbezaan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta bulatan dan peta alir dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen kuantitatif. Pendekatan penyelidikan

kuantitatif dipilih kerana mementingkan keobjektifan dalam pengumpulan data. Kuasi eksperimen pula digunakan untuk melihat keberkesanan peta pemikiran (bulatan dan alir) dalam meningkatkan penguasaan menulis karangan naratif dalam kalangan murid Cina sekolah jenis kebangsaan ketika mempelajari Bahasa Melayu.

Sampel Kajian

Populasi kajian ialah murid-murid tahun lima di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina. Sampel kajian terdiri daripada dua buah kelas, iaitu tahun 5Y dan tahun 5N. Kedua-dua kelas ini terdiri daripada 60 orang murid. Oleh sebab kajian ini berbentuk kuasi eksperimen, maka pensampelan berkelompok secara rawak ini digunakan kerana lebih berkesan dalam memilih sampel dari populasi yang besar. Pengkaji memilih dua buah kelas daripada lapan buah kelas di sekolah tersebut dan menjadikan kelompok tersebut sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua jenis, iaitu persediaan mengajar, ujian pra dan pasca. Ujian pra dan pasca digunakan

Prosedur Kajian

Selepas melakukan pemilihan murid, pengkaji membahagikan murid kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen yang diajar menggunakan dua peta pemikiran (peta bulatan dan peta alir) dan kumpulan kawalan yang diajar tanpa menggunakan peta pemikiran. Kemudian, kedua-dua kumpulan diuji dengan ujian pra, iaitu selama satu jam untuk menilai tahap pencapaian awal penulisan karangan naratif mereka. Selepas, melaksanakan ujian pra ujian, kedua-dua kumpulan diajarkan karangan naratif, iaitu kumpulan eksperimen diajar menggunakan peta pemikiran. Kumpulan kawalan diajarkan secara konvensional. Setelah melalui beberapa sesi pengajaran sebanyak lima kali, kedua-dua kumpulan diberikan ujian pasca selama satu jam. Ujian disemak dan diperiksa. Seterusnya, pengkaji membuat laporan penyelidikan.

Penganalisisan Data

Ujian-ujian disemak dan diteliti berdasarkan markah yang dicapai murid daripada kedua-dua kumpulan dalam menghasilkan karangan naratif. Data kumpulan dikumpul dan dianalisis menggunakan program SPSS versi 22. Dua jenis analisis yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini iaitu, (i) ujian-t (signifikan pada aras 0.05), dan (ii) analisis ANOVA.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pra.

Analisis ujian-t bebas digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian menulis karangan naratif “*Pengalaman berkelah di tepi pantai*” antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pra. Hasil analisis ujian-t bebas tersebut seperti Jadual 1.

Jadual 1. Ujian-t bebas perbezaan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pra

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Rawatan (peta bulatan)	30	17.07	4.65	-0.297	58	0.768
Kawalan (tradisional)	30	17.40	4.02			

Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif “*Pengalaman berkelah di tepi pantai*” antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pra dengan nilai $t = -0.297$ dan $\text{sig} = 0.768$ ($p > 0.05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid yang belajar dengan kaedah konvensional (min = 17.40 dan sp = 4.02) mempunyai pencapaian menulis karangan naratif “*Pengalaman berkelah di tepi pantai*” yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang belajar menggunakan kaedah peta bulatan (min = 17.07 dan sp = 4.65).

Namun, perbezaan tersebut tidak signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa H_0 adalah **gagal ditolak**. Hasil ujian ini menunjukkan bahawa

tahap pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dari segi statistik adalah setara.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pra.

Analisis ujian-t bebas digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian menulis karangan naratif “Adik yang terjatuh di taman permainan” antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pra. Hasil analisis ujian-t bebas tersebut seperti Jadual 2.

Jadual 2. Ujian t bebas perbezaan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pra

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Rawatan (peta alir)	30	16.30	4.57	-0.892	58	0.376
Kawalan (tradisional)	30	17.23	3.45			

Jadual 2 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif “Adik yang terjatuh di taman permainan” antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pra dengan nilai $t = -0.892$ dan $\text{sig} = 0.376$ ($p > 0.05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid yang belajar dengan kaedah konvensional (min = 17.23 dan $\text{sp} = 3.45$) mempunyai pencapaian menulis karangan naratif “Adik yang terjatuh di taman permainan” yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang belajar menggunakan kaedah peta alir (min = 16.30 dan $\text{sp} = 3.45$).

Namun, perbezaan tersebut tidak signifikan. Hal ini menunjukkan H_02 adalah **gagal ditolak**. Hasil ujian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dari segi statistik adalah setara.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pasca.

Analisis ujian-t bebas digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian menulis karangan naratif “Pengalaman berkelah di tepi pantai” antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pasca. Hasil analisis ujian-t bebas tersebut seperti Jadual 3.

Jadual 3. Ujian-t bebas perbezaan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pasca

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Rawatan (peta bulatan)	30	20.13	4.75	2.114	58	0.039
Kawalan (tradisional)	30	17.83	3.60			

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif “Pengalaman berkelah di tepi pantai” antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pasca dengan nilai- $t = 2.114$ dan $\text{sig} = 0.039$ ($p < 0.05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid yang belajar dengan kaedah peta bulatan (min = 20.13 dan $\text{sp} = 4.75$) mempunyai pencapaian menulis karangan naratif “Pengalaman berkelah di tepi pantai” yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang belajar menggunakan kaedah konvensional (min = 17.83 dan $\text{sp} = 3.60$). Hal ini menunjukkan hipotesis nol (H_03) adalah **ditolak**.

Selain itu, dapatan kajian ini juga disokong oleh dapatan Norfarahin (2014) yang menggunakan peta alir sebagai intervensi *berjaya* membantu semua peserta kajiannya memahami dan menyelesaikan masalah dan dapat membantu menjana pemikiran kreatif, di samping menggalakkan pembelajaran yang bermakna. Di samping itu, dapatan yang diperoleh daripada Yahya (2012) menggunakan peta minda dalam P&P karangan argumentatif di Sekolah Menengah Arab menunjukkan murid yang menggunakan strategi peta minda dalam P&P berjaya meningkatkan pencapaian penulisan karangan argumentatif berbanding murid yang menggunakan kaedah konvensional.

Bahkan hasil kajian ini selari dengan hasil dapatan kajian Wahidah (2011) serta Nik Nur Fariah dan Zamri (2014) mengatakan penggunaan peta minda ini telah berjaya

meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam P&P.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pos.

Analisis ujian-t bebas digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian menulis karangan naratif “*Adik yang terjatuh di taman permainan*” antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pasca. Hasil analisis ujian-t bebas tersebut seperti Jadual 4.

Jadual 4. Ujian-t bebas perbezaan pencapaian menulis karangan naratif antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pos

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Rawatan (peta alir)	30	19.30	5.25	0.953	58	0.345
Kawalan (tradisional)	30	18.17	3.86			

Jadual 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis “*Adik yang terjatuh di taman permainan*” yang terjatuh di taman permainan antara kumpulan rawatan (peta alir) dan kawalan dalam ujian pasca dengan nilai $t = 0.953$ dan $\text{sig} = 0.345$ ($p > 0.05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid yang belajar dengan kaedah peta pemikiran peta alir (min = 19.30 dan sp = 5.25) mempunyai pencapaian menulis karangan naratif “*Adik yang terjatuh di taman permainan*” yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang belajar menggunakan kaedah konvensional (min = 18.17 dan sp = 3.86).

Namun, perbezaan tersebut tidak signifikan. Hal ini menunjukkan Ho4 adalah **gagal ditolak**. Dapatan ini selari dengan dapatan temu bual terhadap dua orang sampel yang menyatakan bahawa murid sangat berminat dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan *i-Think* semasa mengajar menulis karangan dan pencapaian murid didapati meningkat berbanding pencapaian murid yang menggunakan kaedah konvensional.

Hal yang sama juga ditekankan dalam dapatan kajian Omardin (2011), menyatakan bahawa pembelajaran yang menarik dapat

mencetuskan minat dan penglibatan aktif murid untuk belajar. Seperti mana beliau berpendapat bahawa pendekatan dan kaedah yang digunakan melalui kaedah konstruktivisme berjaya membantu murid untuk meningkatkan kefahaman bagi sesuatu isi pelajaran. Kajian yang telah dilakukan oleh Looi Kuang Siang (2012) menyatakan bahawa dengan melaksanakan kaedah peta konsep membolehkan murid dapat sesuatu konsep dengan baik.

Dapatan kajian ini adalah sama seperti yang diperkatakan oleh Rohaida dan Zamri (2015) di mana *i-Think* merupakan salah satu alat yang membantu murid-murid merapatkan diri kepada kejayaan. *i-think* bukan sahaja dapat digunakan untuk membantu penguasaan bahasa, malah ia selari dengan kajian semasa. Justeru, peta pemikiran *i-Think* dapat menarik minat murid dengan penglibatan yang sangat aktif semasa P&P menulis karangan naratif.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) dan peta pemikiran (peta alir) dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Analisis ANOVA dua hala dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) dan peta pemikiran (peta alir) dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Sebelum analisis ANOVA dua hala dijalankan, ujian Levene’s dijalankan bagi menentukan kesamaan pemboleh ubah yang dibandingkan.

Hasil ujian Levene’s menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai $F = 2.416$ dan $\text{sig} = 0.070$ ($p > 0.05$). Hal ini bermakna, varian pemboleh ubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Oleh itu, ujian ANOVA dua hala boleh dijalankan bagi melihat perbezaan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) dan peta pemikiran (peta alir) dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Hasil analisis ANOVA dua hala seperti Jadual 5 dan 6.

Jadual 5. Min dan sisihan piawai perbezaan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) dan peta pemikiran (peta alir) dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Kumpulan	Peta	N	Min	Sisihan Piawai
Rawatan	Pengalaman berkelah di tepi pantai (peta bulatan)	30	20.12	4.75
	Adik yang terjatuh di taman permainan (peta alir)	30	19.30	5.25
Jumlah		60	19.72	4.98
Kawalan	Pengalaman berkelah di tepi pantai	30	17.83	3.60
	Adik yang terjatuh di taman permainan	30	18.17	3.86
Jumlah		60	18.00	3.70

Jadual 5 menunjukkan dalam kumpulan murid yang diajar menggunakan peta pemikiran peta bulatan, ujian pasca pencapaian karangan naratif keseluruhan (min = 20.12 dan sp = 4.75) lebih tinggi dari ujian peta pemikiran peta alir (min = 19.30 dan sp= 5.25). Berdasarkan kumpulan yang diajar kaedah konvensional pula menunjukkan ujian pos karangan naratif "*Pengalaman berkelah di tepi pantai*" (min= 18.17 dan sp = 3.86) lebih tinggi berbanding pencapaian karangan naratif "*Adik yang terjatuh di taman permainan*" (min= 17.83 dan sp= 3.60).

Bagi melihat perbezaan tersebut ialah signifikan secara statistik untuk kedua-dua kaedah pengajaran yang digunakan, maka ujian ANOVA dua hala dijalankan seperti Jadual 6.

Jadual 6. ANOVA dua hala perbezaan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) dan peta pemikiran (peta alir) dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Pemboleh ubah bebas	Type III Sum of Squares	df	Min Kuasa Dua	f	Sig.
Kumpulan Peta	10.208	1	10.208	0.524	0.471

Jadual 6 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) dan peta pemikiran (peta alir) dalam

ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan nilai $F = 0.524$ dan $\text{sig} = 0.471$ ($p > 0.05$). Hal ini menunjukkan H_0 adalah **gagal ditolak**. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat interaksi yang signifikan antara kumpulan dan peta dalam ujian pencapaian menulis karangan naratif.

Jadual 7 Ujian t bebas perbezaan pencapaian menulis karangan naratif pengalaman berkelah di tepi pantai antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pasca

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Rawatan (peta bulatan)	30	20.13	4.75	2.114	58	0.039
Kawalan (tradisional)	30	17.83	3.60			

Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian menulis karangan naratif "*Pengalaman berkelah di tepi pantai*" antara kumpulan rawatan (peta bulatan) dan kawalan dalam ujian pasca dengan nilai $t = 2.114$ dan $\text{sig} = 0.039$ ($p < 0.05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid yang belajar dengan kaedah peta bulatan (min = 20.13 dan sp = 4.75) mempunyai pencapaian menulis karangan naratif "*Pengalaman berkelah di tepi pantai*" yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang belajar menggunakan kaedah konvensional (min = 17.83 dan sp = 3.60). Hal ini menunjukkan bahawa adalah **ditolak**.

Dapatan kajian juga jelas menunjukkan penggunaan peta bulatan menyebabkan pencapaian murid Cina lebih baik untuk menguasai kemahiran menulis karangan naratif dengan lebih berkesan. Penggunaan peta bulatan telah menyebabkan murid Cina ingin belajar dan senang untuk mengikuti pembelajaran kemahiran menulis karangan. Malahan, murid Cina senang untuk merangka isi-isi dan membuat pertautan ayat-ayat menggunakan peta pemikiran *i-Think*. Hal ini selari dengan kajian Abdul Jalil (2001) mendapati sebahagian besar murid tidak berkeupayaan untuk menghasilkan ayat yang kohesif dan koheren dalam penulisan karangan mereka.

Jelaslah bahawa peta bulatan dapat mengatasi kelemahan merangka isi-isi dan membuat pertautan murid Cina supaya ayat yang dihasilkan

lebih kohesif dan koheren, sekali gus dapat menarik minat pembaca.

Selain itu, hasil temu bual bersama sampel juga mengatakan penggunaan peta bulatan dalam karangan naratif lebih baik kerana karangan yang dihasilkan oleh murid Cina lebih menarik dan kreatif. Seorang sampel lagi mengatakan peta bulatan membuatkan murid lebih bersedia untuk belajar menulis karangan naratif. Perkara ini disebabkan peta bulatan merupakan alat berfikir kepada murid untuk menjana isi-isi berkaitan dengan tajuk karangan. Hal ini selari dengan kenyataan Ismail (2006) menyatakan bahawa masalah pengajaran yang kurang memberikan penekanan kepada unsur pemetaan minda dalam sesuatu teknik telah menyebabkan pelajar tidak bersedia untuk belajar.

Di samping itu, dapatan ini selari dengan kajian Zamri (2014) menjelaskan bahawa penggunaan peta minda yang dijalankan kepada satu kelompok pelajar dan sebaliknya bagi satu kelompok yang kedua, menunjukkan pelajar yang belajar menggunakan peta minda mendapat keputusan ujian yang lebih baik berbanding kelompok pelajar yang kedua. Hal ini selari dengan dapatan yang diperoleh daripada Looi Kuang Sian (2012) sebanyak 17-20% tahap ingatan dapat ditingkatkan melalui penggunaan peta minda.

IMPLIKASI KAJIAN

Mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya kemahiran menulis karangan merupakan peringkat tertinggi dalam peringkat kemahiran berbahasa. Kemahiran menulis karangan naratif memerlukan murid membuat perancangan untuk merangka isi-isi, memahami, menguasai bahasa dan kemahiran berfikir yang tinggi. Justeru, murid perlu belajar merancang, memahami dan menguasai setiap tajuk karangan yang diberikan. Selain itu, untuk menghasilkan murid yang berfikiran aras tinggi peta pemikiran merupakan salah satu alat bagi murid untuk menjana pendapat mereka sendiri ketika proses P&P di dalam bilik darjah.

Pada hakikatnya, proses pemikiran aras tinggi murid-murid mengambil masa yang panjang untuk diukur namun kemahiran ini seharusnya diterapkan lebih mendalam ketika proses P&P. Hal ini kerana, melalui pembelajaran menggunakan peta pemikiran *i-Think* murid boleh

merangsangkan daya ingatan dan kemahiran berfikir melalui gambar rajah yang dibuat. Tambahan lagi, melalui penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini juga murid-murid akan lebih berminat dan pembelajaran mereka lebih menyeronokkan.

Di samping itu, peta pemikiran boleh dijadikan sebagai alat untuk menilai tahap penguasaan murid di dalam bilik darjah dengan tajuk karangan yang disampaikan oleh guru. Hal ini kerana, peta pemikiran *i-Think* boleh dijadikan satu alat hala tuju yang lebih terancang berbanding dengan alat berfikir yang lain kerana setiap peta pemikiran *i-Think* mempunyai fungsi yang berbeza. Selain itu, dengan menggunakan peta pemikiran juga pemikiran murid lebih terarah dan terancang mengikut fungsi peta pemikiran yang telah ditetapkan berbanding alat berfikir yang lain seperti peta konsep dan peta minda.

Melalui peta pemikiran *i-Think* juga, murid boleh membuat pertautan antara isi-isi karangan tentang tajuk karangan naratif yang dipelajari semasa proses P&P di dalam bilik darjah. Tambahan lagi, murid juga dapat menguasai aspek wacana yang merupakan elemen paling tinggi dalam hierarki tatabahasa supaya karangan yang dihasilkan menarik dan mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan. Selain itu, pengajaran karangan naratif menggunakan peta pemikiran *i-Think* dapat disampaikan kepada murid secara lebih berkesan bukan sekadar hanya memberi isi-isi karangan atau secara menghafal semata-mata.

Selain itu juga, peta pemikiran *i-Think* boleh digunakan sebagai persediaan pra-pengajaran kepada guru. Guru boleh menggunakan peta pemikiran untuk menyusun bahan-bahan pengajaran sebelum dan selepas pengajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, bahan pengajaran yang baharu boleh disusun dengan menggabungkan konsep pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif murid tersebut. Guru Bahasa Melayu dalam pembelajaran menulis karangan seharusnya menjadikan aktiviti membina peta pemikiran *i-Think* sebagai alat pembelajaran yang rutin di samping alat berfikir dalam kalangan murid.

Menerusi kemahiran menulis karangan naratif, peta pemikiran *i-Think* yang digunakan bukan sahaja boleh menyatakan fakta atau konsep sesuatu perkara malah ia juga boleh digunakan sebagai alat untuk melihat tatabahasa seperti kata,

frasa, klausa, ayat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, lapan jenis bentuk asas pembinaan peta pemikiran *i-Think* ini perlu diaplikasikan oleh guru dan juga murid.

Selain itu, guru Bahasa Melayu dalam pembelajaran kemahiran menulis karangan naratif juga boleh menggunakan peta pemikiran *i-Think* sebagai pengenalan kepada sesuatu tajuk yang ingin disampaikan. Hal ini akan menjadikan murid lebih memahami kerana semasa membina peta pemikiran *i-Think*, murid akan mengemukakan lebih banyak persoalan malah secara tidak langsung kemahiran berfikir dapat ditingkatkan. Selain itu juga, guru boleh menjadikan peta pemikiran sebagai cara untuk membuat rumusan bagi keseluruhan tajuk yang diajar pada hari tersebut. Sesudah mempelajari sesuatu tajuk berkenaan, murid dapat menguji tahap ingatan dan pemahaman dengan membuat satu gambar rajah peta pemikiran *i-Think* tentang keseluruhan tajuk karangan berkenaan.

Oleh itu, peta pemikiran *i-Think* ini menjadi kegunaan untuk semua jenis murid tidak kira murid lemah, sederhana atau cemerlang. Peta pemikiran *i-Think* juga boleh dijadikan alat untuk merencanakan pembelajaran yang cemerlang ataupun ia sebagai alat untuk pemupukan pembelajaran yang bermakna. Bagi guru pula, ianya merupakan sebagai alat perencanaan pengajaran semasa proses P&P di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini mengkaji keberkesanan kaedah peta pemikiran *i-Think* dalam penguasaan kemahiran menulis karangan di sekolah jenis kebangsaan Cina. Keberkesanan ditinjau dari aspek pencapaian murid menggunakan peta pemikiran *i-Think* (peta bulatan dan peta alir). Program *i-Think* yang diperkenalkan di sekolah-sekolah adalah satu usaha untuk membudayakan kemahiran berfikir menggunakan satu alat berfikir iaitu peta pemikiran yang dapat meningkatkan aras pemikiran murid-murid.

Dapatan kajian jelas mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran *i-Think* berupaya meningkatkan kefahaman, penguasaan, pencapaian, daya mengingat dan keseronokan dalam proses P&P menulis karangan naratif. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh juga,

kajian ini turut mengutarakan beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh pihak-pihak yang berkaitan dan juga kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan.

Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat mengenai penguasaan kemahiran menulis karangan naratif menggunakan peta pemikiran *i-Think* dalam membantu meningkatkan pencapaian kemahiran menulis karangan naratif dan penggunaan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat berfikir yang baru.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman. 2001. Perkaitan semantik dalam penulisan. *Issues in Education*, 24: 141-157.
- Goodnough, K. & Woods, Robin. 2002. *Student and teacher perceptions of minds mapping: A middle school case study*. New Orleans, LA: Sage Publication.
- Goodnough, K. 2002. Robin Long Science Scope. *Academic Research Library*, 25 (8): 20.
- Ismail Zain. 2006.. Kepentingan penggunaan peta minda. *Utusan Malaysia*, 27 September: 9.
- Looi Kuang Siang. 2012. Penggunaan peta minda dalam meningkatkan kefahaman dan ingatan murid tahun 4 dalam subjek Sains. Seminar Penyelidikan Tindakan. IPG Kampus Batu Lintang.
- Marohaini Yusoff. 2001. Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan di dalam bilik darjah. Dlm. Marohaini Yusoff. *Penyelidikan kualitatif pengalaman kerja lapangan kajian*, 87-119. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norfarahin Izzati Yusof. 2014. Penggunaan peta alir *i-think* dan ki "Pat-Pat Kup" dalam membantu murid menguasai kemahiran mengukur perimeter gabungan bentuk dua dimensi. IPG Kampus Dato' Razali Ismail.
- Nik Nur Fariah Nik Harimi & Zamri Mahamod. 2014. Keberkesanan kaedah peta pemikiran (*i-think*) terhadap pencapaian, sikap dan kesediaan murid tingkatan 4. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Omardin Ashaari. 1999. *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. Keberkesanan peta pemikiran i-think dalam meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2): 31-37.
- Roselan Baki. 2001. *Interaksi lisan pengajaran penulisan bahasa Melayu daripada perspektif guru*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahidah. 2011. Keberkesanan konsep peta minda dalam pembelajaran berasaskan masalah. Tesis Dr. al. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yahya Othman. 2012. Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 32-45.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.